



UM.H/625

3 Mac 2014

Pengarah, Akademi Pengajian Islam
 Pengarah, Akademi Pengajian Melayu
 Dekan, Fakulti Alam Bina
 Dekan, Fakulti Bahasa dan Linguistik
 Dekan, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran
 Dekan, Fakulti Kejuruteraan
 Dekan, Fakulti Pendidikan
 Dekan, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan
 Dekan, Fakulti Pergigian
 Dekan, Fakulti Perubatan
 Dekan, Fakulti Sains
 Dekan, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
 Dekan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial
 Dekan, Fakulti Undang-Undang
 Pengarah Eksekutif, Institut Asia Eropah
 Pengarah, Institut Kepimpinan Pendidikan
 Pengarah, Pusat Kebudayaan
 Pengarah, Pusat Sukan



@ Pn Yane

Wah hababon
 syaf abadi

don 5/3/14

① Pn. Azian

① kesahan
 kpd. staf
 akademik

② pemahaman
 kpd. staf sokongan
 ys. Lething

4/3/14

2

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

Syarat Penerbitan Dalam Jurnal Bertaraf ISI/Setaraf Kepada Calon Pascasiswazah Sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa dan Viva-voce.

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Seperti mana yang sedia maklum, Senat dalam mesyuaratnya pada 23 Februari 2012 telah mewajibkan syarat penerbitan jurnal bertaraf ISI / setaraf kepada calon pascasiswazah mod penyelidikan seperti berikut:

- 1) Calon Ijazah **Sarjana** yang mengikuti program dalam **bidang Sains** perlu menunjukkan bukti penerimaan sekurang-kurangnya satu (1) kertas dalam jurnal ISI (WoS) - Ranked Full Length Journal Paper untuk penerbitan sebelum mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa diadakan.
- 2) Calon Ijazah **Doktor Falsafah** yang mengikuti program dalam **bidang Sains** perlu menunjukkan bukti penerimaan sekurang-kurangnya dua (2) kertas dalam jurnal ISI (WoS) - Ranked Full Length Journal Paper untuk penerbitan sebelum mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa dan viva-voce.
- 3) Calon Ijazah **Sarjana** yang mengikuti program dalam **bidang Sains Sosial** perlu menunjukkan bukti penerimaan sekurang-kurangnya satu (1) kertas di dalam jurnal berwasit kategori A atau B yang diiktiraf oleh PTJ untuk penerbitan sebelum mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa diadakan.

- 4) Calon Ijazah **Doktor Falsafah** yang mengikuti program dalam **bidang Sains Sosial** perlu menunjukkan bukti penerimaan sekurang-kurangnya satu (1) kertas dalam jurnal ISI (WoS)-Ranked Full Length Journal Paper atau sekurang-kurangnya dua (2) kertas di dalam jurnal berwasit katategori A atau B yang diiktiraf oleh PTj untuk penerbitan sebelum mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa dan viva-voce.

Walau bagaimanapun, terdapat ramai calon dan pihak PTj yang merayu supaya mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa dan viva-voce dijalankan terlebih dahulu tanpa calon kemukakan bukti penerbitan jurnal bertaraf ISI / setaraf.


Sehubungan itu, Senat pada 27 Februari 2014 telah bersetuju untuk memberi kelonggaran kepada PTj bagi menjalankan mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa dan viva-voce, tanpa calon kemukakan bukti penerbitan jurnal bertaraf ISI / setaraf. Namun, bukti penerbitan tersebut masih perlu dipantau oleh pihak PTj dan mana-mana calon yang telah menjalankan viva-voce tanpa bukti penerbitan tidak dibenarkan bergraduat.

Oleh yang demikian, laporan mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa dan viva-voce hanya boleh dikemukakan ke IPS setelah calon kemukakan bukti penerimaan penerbitan jurnal bertaraf ISI / setaraf yang diiktiraf.

Perhatian dan kerjasama Y.Bhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,


PROF. DATIN DR. NORHANOM ABDUL WAHAB

Dekan

Institut Pengajian Siswazah

IPAS 3/3

s.k

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Pengarah / Dekan (Ijazah Tinggi) PTj Akademik

Timbalan-Timbalan Dekan, IPS

Timbalan Pendaftar, IPS

Ketua Penolong Pendaftar / Penolong Pendaftar (Ijazah Tinggi) PTj Akademik

Pegawai-Pegawai IPS